



HAMZAH ZAINUDDIN

## Makanan harian bebas antibiotik pada 2020

**LUMUT 15 MAC** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menasarkankan makanan harian yang dipasarkan kepada pengguna terutama ayam, tidak lagi mengandungi kandungan antibiotik menjelang 2020.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, setakat ini, prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan terhadap semua kilang memproses ayam melarang penggunaan antibiotik dalam makanan ayam tujuh hari sebelum ayam disembelih.

Menurut beliau, ini bagi mengelak sebarang komplikasi kepada pengguna.

“Syarikat pemprosesan ayam Dindings Poultry Sdn. Bhd., bersama-sama sebuah universiti di Amerika Syarikat sedang melakukan kajian berkaitan penggunaan antibiotik ke atas ayam.

“Kajian tersebut mengambil masa empat tahun untuk mengurangkan penggunaan antibiotik dan usaha ini merupakan langkah ke arah bebas antibiotik,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan sambutan Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia di Malayan Flour Mills (MFM) di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan ke pusat pemprosesan ayam syarikat Dindings Poultry di sini.

Menurut Hamzah, sebagai pengguna sudah tentu mereka tidak mahu ada antibiotik dalam makanan seharian.